

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]
TARIKH : 6 NOVEMBER 2014
RUJUKAN : 7185
SOALAN :

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendekatan baru AADK sejak 2010 berjaya mengurangkan masalah-masalah berkaitan dadah, HIV serta AIDS dan apakah statistik terkini rakyat yang mengguna dadah dan menghadapi HIV dan AIDS.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sejak tahun 2010, AADK telah melaksanakan program transformasi terhadap pendekatan program rawatan dan pemulihan dadah seiring dengan transformasi kerajaan yang berkonsepkan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Semua perkhidmatan yang ditawarkan oleh AADK pada masa kini telah dilaksanakan selepas mengambil kira pelbagai faktor, terutamanya perubahan profil penagihan, persepsi masyarakat yang lebih terbuka terhadap permasalahan dadah, harapan *stakeholder* dan pencapaian yang kurang memberangsangkan terhadap rawatan dan pemulihan dadah yang dilakukan sebelum ini.

Pendekatan *Cure & Care* yang menjadi teras perkhidmatan AADK dengan konsep terbuka atau *open access* sejak tahun 2010, telah memberi impak yang positif. Penekanan diberikan terhadap kaedah rawatan pemulihan secara sukarela dan menggabungkan elemen program psikososial dan klinikal serta perubatan.

Setelah pelaksanaan perkhidmatan *Cure & Care*, bilangan klien yang menerima rawatan secara sukarela semakin meningkat. Mengikut statistik, jumlah klien yang menerima perkhidmatan adalah seramai 1555 orang pada tahun 2010, 9,367 orang pada tahun 2011, 12,766 orang sejak tahun 2012 dan 14,436 pada tahun 2013. Bagi tempoh

2010 sehingga 2013, jumlah klien yang mendapatkan perkhidmatan secara sukarela adalah seramai 38,124 orang.

Program yang dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan bagi klien HIV/AIDS adalah :

- a) Rujukan bagi program *Antiretroviral Therapy* (ARV) di Klinik Kesihatan;
- b) Sesi kaunseling HIV;
- c) Ceramah kesihatan dan penjagaan HIV; dan
- d) Program kawalan dan pencegahan penularan HIV.

Bagi mengurang dan mengelakkan jangkitan HIV, AADK dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia terlibat dalam program pengurangan kemudaratan (*Harm Reduction Programme*) yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui *Medically Assisted Therapy* (MAT) terutamanya menggunakan methadone. Sehingga Ogos 2014, sebanyak 59 fasiliti AADK telah melaksanakan program methadone dengan jumlah keseluruhan sebanyak 6,536 klien berdaftar.

Pelaksanaan program ini juga telah berjaya mengurangkan kejadian HIV melalui penagihan dadah suntikan dan kejadian HIV baru secara keseluruhan. Kadar kejadian HIV melalui penagihan dadah suntikan telah menunjukkan penurunan daripada 70 – 80% pada tahun 1990-an kepada 21.5% pada tahun 2013.

Jadual 1 : Statistik Penagih Dadah Yang Dijangkiti HIV

Tahun	1990	2000	2010	2013
Jumlah (orang)	470	3,815	1,737	728

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (2013)